

Samy Vellu mahu 'lawan' EPU

KUALA LUMPUR 5 April - Selepas kerap menjadi bahan 'kutukan' berkaitan isu tol, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini membuat pengumuman akan 'melawan' dan tidak menerima bulat-bulat keputusan Unit Perancang Ekonomi (EPU) berhubung penetapan kadar tol dan pembangunan lebuh raya di negara ini.

Pendekatan baru itu diumumkan beliau ketika menjawab soalan **Tan Lian Hoe (BN-Bukit Gantang)** pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

"Selama ini (semua ingat) Menteri Kerja Raya umumkan penswastaaan (syarikat konsesi), menteri tetapkan kadar tol paling tinggi, tak ada hati..., Menteri Kerja Raya bodoh... semua menteri sahajalah salah, salah itu salah ini.

"Jadi saya ambil satu fikiran (pendekatan)

baru, mana-mana cadangan dari-pada EPU, saya lawan. Saya lawan balik. Saya mahu buat kajian sendiri, adakah kos harga pembinaan itu betul atau tidak," katanya sambil menerima sorakan daripada penyokong-penyokong kerajaan.

Samy Vellu berkata, pendekatan baru itu telah dilaksanakannya dalam menangani pembinaan sebuah jalan di Johor Bahru, penetapan kadar tol di Plaza Tol Sungai Nyiur dan Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR).

"Di Johor Bahru, saya minta Jemaah Menteri buat satu kajian mendalam. Di Sungai Nyiur kita buat satu kertas kerja menentang keputusan di-



S. SAMY VELLU

um-6/4/2007
buat EPU," katanya.

Menurut beliau, selama ini kementerian hanya membuat pengumuman dan segala kadar tol ditentukan oleh unit berkenaan.

Malah, katanya, beliau tidak diberitahu mengenai kadar baru tol yang ditetapkan oleh EPU sehingga dibentangkan di Kabinet.

Samy Vellu turut membidas Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang yang mempersoalkan kenapa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku orang

yang secara langsung mengawal EPU tidak

datang ke Parlimen membuat penjelasan.

Menurut beliau, setiap anggota Kabinet khususnya Perdana Menteri mempunyai tugas berat mentadbir negara dan jadual harian yang padat.

Justeru katanya, pemimpin negara itu tidak mempunyai masa yang banyak untuk melayan tuduhan tidak berasas pembangkang di Parlimen.

"Dia (Kit Siang) sudah 150 peratus keluar daripada subjek yang kita bincangkan. Seriuslah Yang Berhormat, ini bukan main politik, nak main politik tak bolehlah.

"Yang Berhormat kena tanya soalan yang serius, saya jawab. Awak mahu panggil Perdana Menteri, jadi jikalau Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, semua menteri duduk sini dari pagi sampai petang, mana ada negara macam itu," katanya.